



Headline	Prihatin Kesihatan Pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	L-58	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	Salwani Md Zain	AdValue	RM 1,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,785



Prihatin kesihatan pengguna

Dutch Lady tawar produk tenusu kurang gula

SALWANI MD ZAIN

SEJAJAR dengan misi membantu rakyat Malaysia hidup dengan pemakanan tenusu sihat, pakar tenusu terkemuka, Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) merancang untuk mengurangkan 40 peratus penggunaan gula daripada kegunaan semasa menjelang 2013.

Pengarah Urusannya, Bas Van Den Berg berkata, langkah itu adalah pelan agresif syarikat sebagai tanggungjawab dan menyahut saranan kerajaan untuk terus berusaha ke arah meningkatkan profil pemakanan, mengeluarkan produk inovatif selari permintaan masyarakat setempat di samping sama-sama mendidik pengguna bijak menggunakan gula dalam kegunaan harian.

Menurutnya, proses pengurangan gula untuk semua produk Dutch Lady akan dilakukan secara berperingkat dan pada masa terdekat ini, tiga produk diturunkan kandungan gula iaitu Dutch Lady Kid, Dutch Lady School dan minuman Yogurt Dutch Lady rendah lemak.

"Kami akan menarik balik rangkaian krimer manis daripada pasaran bermula esok sebagai langkah drastik untuk memupuk tabiat penggunaan gula yang betul selain memberi alternatif untuk pengguna

menggantikan krimer manis dengan susu cair atau susu bersuhu tinggi (UHT) dalam kegunaan seharian," katanya pada majlis pelancaran

Kempen Pengurangan Gula secara agresif selama dua tahun Dutch Lady disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mahani Tan Abdullah di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, operasi pengeluaran krimer manis di Malaysia telah dihentikan sejak September lalu dan keputusan itu adalah bagi memastikan pengguna sedar akan kepentingan dan faedah membeli produk yang kurang serta tiada kandungan gula langsung.

"Syarikat akan terus menyediakan produk tenusu yang lazat dan memastikan gaya hidup pemakanan tidak dikompromi selaras meningkatkan penguasaan pasaran jenama Dutch Lady yang kini mencecah 18.4 peratus dalam kalangan pengeluaran susu di Malaysia," katanya.

Menurutnya, pada masa ini, Dutch Lady Malaysia berbangga dengan unit penyimpanan stok kerana 20 peratus daripada 110 produk dikeluarkan tanpa gula tambahan.

Justeru, menjelang akhir 2013, syarikat dapat mengurangkan gula sebanyak 2,700 tan untuk semua rangkaian produk.



Headline	Prihatin Kesihatan Pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	L-58	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	Salwani Md Zain	AdValue	RM 1,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,785



Den Berg (kiri) pada majlis pelancaran Kempen Pengurangan Gula disempurnakan Mahani (dua, kiri) di Kuala Lumpur, semalam.